Mengulas lanjut, Veerapan berkata, hasil siasatan awal turut mendapati berlaku kegiatan mengorek tanah di kawasan berhampiran dipercayai untuk menanam sampah berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya akan mengarahkan pihak terbabit membersihkan kawasan berkenaan dengan segera.

"Kita akan memastikan mereka yang melakukan kegiatan ini membersihkan semula kawasan kerana kita percaya tanah ini adalah milik kerajaan berikutan berhampiran sungai," katanya.

Sementara itu, Sivanathiran pula berkata, pihaknya sudah mengambil beberapa sampel sampah dan cecair terdapat di kawasan pembuangan terbabit serta air sungai untuk dianalisis di makmal.

"Kami akan menjalankan siasatan menyeluruh terhadap kes ini mengikut Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang jika didapati bersalah, boleh dihukum denda maksimum RM500,000 dan penjara tidak melebihi lima tahun," katanya.